



Rujukan : KPM.BPSM.S.500-4/7/251 JILID 6 (II)
Tarikh : 27 Mac 2026

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI GURU CEMERLANG DI SEKOLAH, KOLEJ VOKASIONAL, INSTITUT AMINUDDIN BAKI, KOLEJ MATRIKULASI, *ENGLISH LANGUAGE TEACHING CENTRE* DAN PENSYARAH CEMERLANG DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TAHUN 2026

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan akan melaksanakan urusan pemangkuan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sebagai Guru Cemerlang di sekolah, Kolej Vokasional (KV), Institut Aminuddin Baki (IAB), Kolej Matrikulasi (KM), *English Language Teaching Centre* (ELTC), Sekolah Dalam Hospital (SDH), Sekolah Integriti (SI), Maktab Tentera Diraja (MTD), Sekolah Henry Gurney (SHG), Sekolah Tunas Bakti, Pusat PERMATA dan Pensyarah Cemerlang di Institut Pendidikan Guru (IPG) secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi Tahun 2026.

3. Urusan pemangkuan dibuka kepada PPP yang telah menerima tawaran opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan melibatkan gred jawatan seperti berikut :

PPP	Gred Ditawarkan
Guru Cemerlang (Siswazah) Sekolah Menengah/ KV/ IAB/ KM/ ELTC	Gred Khas C, DG14, DG13, DG12, DG10
Guru Cemerlang (Siswazah) Sekolah Rendah	DG14, DG13, DG12, DG10
Guru Cemerlang (Bukan Siswazah) Sekolah Rendah/ Sekolah Menengah/ KV/ Pusat Anak PERMATA Negara	DG7, DG6
Pensyarah Cemerlang IPG	Gred Khas C, DG14, DG13, DG12

4. Calon-calun mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus seperti berikut:

4.1 Syarat-Syarat Umum

- a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- b) Telah dinaikkan pangkat ke gred semasa. **Calon yang sedang memangku tidak layak memohon;**
- c) Wajaran Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) **sekurang-kurangnya 85%** bagi tahun 2023, 2024 dan 2025;
- d) Bebas daripada tindakan tatatertib (MYSPP Ceraian UP.3.1: Urusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat);
- e) Telah mengemukakan perisytiharan harta dalam tempoh 5 tahun (pada atau sebelum **24.04.2026**);
- f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- g) Bebas daripada senarai peminjam tegar pinjaman pendidikan institusi/ tabung pendidikan;
- h) Bebas daripada hutang Lebihan Bayaran Gaji dan Elaun (LBGE); dan
- i) Diperaku oleh Ketua Jabatan (Pengarah Institusi/ Pengetua/ Guru Besar).

4.2 Syarat-syarat Khusus

Syarat-syarat khusus permohonan adalah seperti **Lampiran** berikut:

- i. **Lampiran A1** – Guru Cemerlang (Bukan Siswazah) di Sekolah Rendah / Sekolah Menengah / KV / Pusat Anak PERMATA Negara;
- ii. **Lampiran A2** – Guru Cemerlang (Siswazah) di Sekolah Rendah/ SDH/ SI/ SHG/ Pusat PERMATA;
- iii. **Lampiran A3** – Guru Cemerlang (Siswazah) di Sekolah Menengah/ SDH/ SI/ SHG/ MTD /KV/ IAB/ KM/ ELTC; dan
- iv. **Lampiran A4** – Pensyarah Cemerlang (Siswazah) di IPG.

5. Penilaian bagi **Guru Cemerlang dan Pensyarah Cemerlang** adalah pada **Jun hingga Ogos 2026** (tertakluk kepada perubahan). Calon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek sahaja akan dinilai. Calon **TIDAK BOLEH** menarik diri selepas membuat perakuan persetujuan untuk dinilai dalam Sistem ePangkat. Calon **MESTI** mematuhi tarikh penilaian yang telah dipersetujui bersama panel penilai dan boleh dikenakan **PENALTI** sekiranya menarik diri di saat akhir tanpa alasan yang munasabah.
6. Hanya calon yang telah berjaya dalam penilaian dan diperakukan oleh Kementerian Pendidikan serta diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (LKPPP) sahaja akan menerima surat Arahan Penempatan Pemangkuhan (APP) sebagai Guru Cemerlang atau Pensyarah Cemerlang melalui Ketua Jabatan masing-masing.
7. Calon yang tidak menerima surat pemakluman dari Kementerian berhubung urusan ini selepas **31 Ogos 2027** adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**. Keputusan pemangkuhan Guru Cemerlang dan Pensyarah Cemerlang hendaklah dirujuk kepada Ketua Jabatan masing-masing.
8. Senarai bidang yang ditawarkan untuk pemohon di IPG dan IAB adalah seperti dalam **Lampiran B1 dan Lampiran B2**. Semua mata pelajaran yang diajar di sekolah, KV, KM dan Pusat PERMATA Kurnia ditawarkan termasuk Guru Perpustakaan dan Media, Guru Bimbingan dan Kaunseling serta Guru Pusat Anak PERMATA Negara. Bagi PPP yang mengisi jawatan kader KPM, hanya calon dari **Maktab Tentera Diraja, Sekolah Integriti, Sekolah Henry Gurney**, dan **Sekolah Tunas Bakti SAHAJA** yang layak mengemukakan permohonan.
9. Sehubungan dengan itu, **Ketua Jabatan** perlu memastikan maklumat perkhidmatan dalam **Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK), Sistem HRMIS, Sistem eOperasi dan Sistem ePangkat** telah dikemas kini bagi melancarkan urusan permohonan.
10. Untuk makluman, permohonan hendaklah dibuat melalui sistem ePangkat. Permohonan yang dikemukakan secara luar talian tidak akan dipertimbangkan kecuali calon yang mengisi jawatan kader KPM dan guru KPM di sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Panduan permohonan adalah seperti di **Lampiran C**.
11. Tarikh tutup permohonan bagi peringkat calon adalah pada **Jumaat, 24 April 2026 pukul 11.59 malam** dan peringkat pengesahan Ketua Jabatan pada **Sabtu, 2 Mei 2026**.
12. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (LKPPP) Bil. 5 Tahun 2015 telah memutuskan bahawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang sedang disiasat/ dalam prosiding tatatertib/ telah dikenakan tindakan tatatertib **TIDAK BOLEH DIPERAKU** dalam urusan pemangkuhan/ kenaikan pangkat.

13. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bil. 2 Tahun 2015 pada 17 Februari 2015 telah memutuskan bahawa penetapan **tarikh kenaikan pangkat** adalah **mulai sehari selepas tempoh pemangkuan selama satu (1) tahun** bagi kumpulan **Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan Profesional**.

14. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (LKPPP) Bil. 2 Tahun 2022 pada 31 Mac 2022 telah memutuskan bahawa pegawai perlu dinilai berdasarkan **tiga (3) tahun LNPT atas gred semasa**.

15. Jika memerlukan pertanyaan lanjut mengenai urusan permohonan ini, YBhg. Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi **Urus Setia Penilaian GCPC di Jemaah Nazir** di talian **03-8884 4268/ 4490/ 4230/ 4208** (urus setia).


16. Perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABKARI BIN ABDULLAH)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan

s.k.:

KSU

KPPM

TKSU (P)

TKSU (PP)

TKPPM (SDK)

TKPPM (SOS)

TKPPM (SPP)

TSUB (SM) K

**Syarat-syarat Khusus Permohonan Guru Cemerlang
Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Bukan Siswazah)
di Sekolah Rendah / Sekolah Menengah / KV / Pusat Anak PERMATA Negara**

1. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Bukan Siswazah) Gred DG6 (KUP):

- a. Pemohon telah dilantik ke jawatan di Gred DG5 pada atau sebelum **1 Januari 2022**.
- b. Pemohon telah disahkan jawatan di Gred DG5.
- c. Mata pelajaran kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar mata pelajaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG5.

2. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Bukan Siswazah) Gred DG7 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG6 pada atau sebelum **1 Januari 2023**.
- b. Mata pelajaran yang dimohon merupakan mata pelajaran **utama** yang diajar oleh pemohon.
- c. Mengajar mata pelajaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- d. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG6.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- f. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG6.

**Syarat-syarat Khusus Permohonan Guru Cemerlang
Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Siswazah)
di Sekolah Rendah/ SDH/ SI/ SHG/ Pusat PERMATA**

1. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred DG10 (KUP):

- a. Pemohon telah dilantik ke jawatan di Gred DG9 pada atau sebelum **1 Januari 2022**.
- b. Pemohon telah disahkan jawatan di Gred DG9.
- c. Mata pelajaran yang dimohon merupakan mata pelajaran **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar mata pelajaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- f. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG9.

2. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred DG12 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG10 pada atau sebelum **1 Januari 2023; ATAU**
- b. Bagi Guru Cemerlang sedia ada, pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG10 pada atau sebelum **1 Januari 2024**.
- c. Mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran/ bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan, Guru Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- f. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG10.

3. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred DG13 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG12 pada atau sebelum **1 Januari 2023; ATAU**
- b. Bagi Guru Cemerlang sedia ada, pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG12 pada atau sebelum **1 Januari 2024**.
- c. Mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran/ bidang utama yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan, Guru Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- f. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG12.

4. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred DG14 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG13 pada atau sebelum **30 November 2023**.
- b. Mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran/ bidang utama yang diajar oleh pemohon.
- c. Mengajar mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- d. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan, Guru Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- e. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG13.

**Syarat-syarat Khusus Permohonan Guru Cemerlang
Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Siswazah)
di Sekolah Menengah/ SDH/ SI/ SHG/ MTD /KV/ IAB/ KM/ ELTC**

1. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred DG10 (KUP):

- a. Pemohon telah dilantik ke jawatan di Gred DG9 pada atau sebelum **1 Januari 2022**.
- b. Pemohon telah **disahkan** jawatan di Gred DG9.
- c. Mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran/ bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan, Ketua Unit) boleh memohon dengan syarat **mesti** melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- f. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG9.

2. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred DG12 (KUP):

- a. Pemohon telah **dinaikkan pangkat** ke Gred DG10 pada atau sebelum **1 Januari 2023; ATAU**
- b. Bagi Guru Cemerlang sedia ada, pemohon telah **dinaikkan pangkat** ke Gred DG10 pada atau sebelum **1 Januari 2024**.
- c. Mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran/ bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan, Guru Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat **mesti** melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- f. **Guru Tingkatan 6 hanya dibenarkan memohon Guru Cemerlang bagi mata pelajaran Tingkatan 6 sahaja.**
- g. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG10.

3. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred DG13 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG12 pada atau sebelum **1 Januari 2023; ATAU**
- b. Bagi Guru Cemerlang sedia ada, pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG12 pada atau sebelum **1 Januari 2024**.
- c. Mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran/ bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan, Guru Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- f. **Guru Tingkatan 6 hanya dibenarkan memohon Guru Cemerlang bagi mata pelajaran Tingkatan 6 sahaja.**
- g. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG12.

4. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred DG14 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG13 pada atau sebelum **30 November 2023; ATAU**
- b. Bagi Guru Cemerlang sedia ada, pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG13 pada atau sebelum **1 Januari 2024**.
- c. Mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran/ bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan, Guru Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- f. **Guru Tingkatan 6 hanya dibenarkan memohon Guru Cemerlang bagi mata pelajaran Tingkatan 6 sahaja.**
- g. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG13.

5. Bagi pemohon Guru Cemerlang (Siswazah) Gred Khas C (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG14 pada atau sebelum 30 November 2023; **ATAU**
- b. Bagi Guru Cemerlang sedia ada, pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG14 pada atau sebelum 1 Januari 2024.
- c. Pemohon mempunyai baki perkhidmatan sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** dari tarikh bersara pada tarikh tutup permohonan.
- d. Mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon merupakan mata pelajaran/ bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- e. Mengajar mata pelajaran/ bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- f. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan, Guru Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Guru Cemerlang.
- g. **Guru Tingkatan 6 hanya dibenarkan memohon Guru Cemerlang bagi mata pelajaran Tingkatan 6 sahaja.**
- h. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG14.
- i. Pemohon **MESTILAH** dalam kalangan Guru Cemerlang sedia ada; **ATAU** mantan Guru Cemerlang;
ATAU
- j. Bagi pemohon yang **TIDAK PERNAH** berada di Laluan Guru Cemerlang pada mana-mana gred, pemohon **MESTILAH** telah dinaikkan pangkat ke Gred DG14 sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** dari tarikh tutup permohonan.

**Syarat-syarat Khusus Permohonan Pensyarah Cemerlang
Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Siswazah)
di Institut Pendidikan Guru**

1. Bagi pemohon Pensyarah Cemerlang (Siswazah) Gred DG12 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG10 pada atau sebelum **1 Januari 2023**.
- b. Bidang kepakaran yang dimohon merupakan bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- c. Mengajar bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- d. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG10.

2. Bagi pemohon Pensyarah Cemerlang (Siswazah) Gred DG13 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG12 pada atau sebelum **1 Januari 2023; ATAU**
- b. Bagi Pensyarah Cemerlang sedia ada, pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG12 pada atau sebelum **1 Januari 2024**.
- c. Bidang kepakaran yang dimohon merupakan bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Pensyarah Cemerlang.
- f. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG12.

3. Bagi pemohon Pensyarah Cemerlang (Siswazah) Gred DG14 (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG13 pada atau sebelum **30 November 2023; ATAU**
- b. Bagi Pensyarah Cemerlang sedia ada, pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG13 pada atau sebelum **1 Januari 2024**.
- c. Bidang kepakaran yang dimohon merupakan bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- d. Mengajar bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Ketua Jabatan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan Pensyarah Cemerlang.
- f. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG13.

4. Bagi pemohon Pensyarah Cemerlang (Siswazah) Gred Khas C (KUP):

- a. Pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG14 sebelum atau pada **30 November 2023; ATAU**
- b. Bagi Pensyarah Cemerlang sedia ada, pemohon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG14 pada atau sebelum **1 Januari 2024**.
- c. Pemohon mempunyai baki perkhidmatan sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** dari tarikh bersara pada tarikh tutup permohonan.
- d. Bidang kepakaran yang dimohon merupakan bidang **utama** yang diajar oleh pemohon.
- e. Mengajar bidang kepakaran yang dimohon selama **tiga (3) tahun** terakhir berturut-turut.
- f. Telah memperolehi LNPT bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 di Gred DG14.
- g. Pemohon **MESTILAH** dalam kalangan Pensyarah Cemerlang sedia ada; **ATAU** mantan Pensyarah Cemerlang.

SENARAI BIDANG CALON PC IPG

1. Bahasa Arab
2. Bahasa Cina
3. Bahasa Jepun
4. Bahasa Jerman
5. Bahasa Melayu
6. Bahasa Perancis
7. Bahasa Tamil
8. Bahasa Korea
9. Bahasa Semai
10. Bahasa Kadazan dusun
11. Bahasa Iban
12. Bahasa Inggeris
13. Bimbingan dan Kaunseling
14. Geografi
15. Ilmu Pendidikan
 - Teknologi Pengajaran dan Pembelajaran,
 - Inovasi Pendidikan,
 - Transformasi Sekolah
 - Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB)
 - Pengantar Pengajian Pendidikan
 - Kemahiran Belajar
 - Isu Semasa dan Cabaran Masa Depan
 - Pendidikan Digital dan PdPR
 - Program Transformasi Minda
 - Inovasi Pendidikan
 - Komuniti Pembelajaran Profesional
 - Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
 - Literasi Pemikiran
 - Program Literasi dan Numerasi
 - Program Sokongan Pensarjanaan
16. Matematik
17. Pelancongan
18. Pendidikan Islam
19. Pendidikan Jasmani
 - Pendidikan Jasmani
 - Pendidikan Kesihatan
20. Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
21. Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
22. Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
23. Pendidikan Pemulihan

24. Pendidikan Awal Kanak-Kanak
25. Pendidikan Moral
26. Pendidikan Muzik
27. Pendidikan Seni Visual
28. Reka bentuk & Teknologi
29. Sains
30. Fizik
31. Kimia
32. Biologi
33. Sains Komputer
34. Sejarah
35. Seni Muzik (Sekolah Seni)
36. Seni Tari (Sekolah Seni)
37. Seni Teater (Sekolah Seni)
38. Seni Visual (Sekolah Seni)
39. Kejuruteraan Mekanikal
40. Kejuruteraan Awam
41. Kejuruteraan Elektrik
42. Teknologi Automotif
43. Teknologi Kimpalan
44. Teknologi Pemesinan Industri
45. Teknologi Penyejukan & Penyamanan Udara
46. Teknologi Pembinaan
47. Teknologi Elektrik
48. Teknologi Elektronik
49. Perdagangan
50. Perniagaan
51. Perakaunan
52. Pertanian
53. Pelancongan
54. Sains Rumah Tangga
55. Kokurikulum
56. Pentaksiran
57. Pedagogi
58. Penyelidikan
59. Teknologi dan Digital

SENARAI BIDANG CALON GC DI IAB

1. Pembangunan Organisasi
 - Pengurusan Strategik
 - Pengurusan Perubahan
 - Pengurusan Kualiti Organisasi
 - Pengurusan Budaya Organisasi
 - Pengurusan Risiko
 - Pengurusan Projek
 - Pengurusan Inovasi
2. Bimbingan Profesional
 - *Coaching & Mentoring*
 - Konsultasi
 - Runding Cara
3. Kepimpinan
 - Kepimpinan Pendidikan
 - Kepimpinan Digital
 - Kepimpinan Perpaduan dan Kenegaraan
 - Kepimpinan Berasaskan Nilai
 - Komunikasi Kepimpinan
 - Pembangunan Kualiti Kendiri Pemimpin
 - Pentaksiran Kepimpinan
 - Integriti Kepimpinan
4. Pengurusan Sumber Manusia
 - Pengurusan Prestasi
 - Pengurusan Bakat
 - Pembangunan Profesionalisme Berterusan
5. Pengurusan Dasar
 - Dasar Awam
 - Dasar Pendidikan
 - Perlembagaan dan Akta
 - Perundangan, Dasar, Polisi dan Program Pendidikan
6. Pengurusan Data Raya dan Digital
 - Pengurusan Data
 - Pengurusan Sistem Teknologi
 - Pengurusan Rangkaian dan Peralatan ICT
 - Pembangunan Bahan Digital
 - Pengurusan Pentadbiran e-Pembelajaran
 - Data Analitik

7. Penyelidikan Pendidikan
 - Penyelidikan dalam Pendidikan
 - Kaedah Penyelidikan Pendidikan
8. Pengurusan Pengukuran dan Pentaksiran
 - Pengurusan Pentaksiran
 - Penilaian dalam Pendidikan
 - Pentaksiran Kompetensi
9. Kepimpinan Instruksional
 - Pengurusan Penilaian dan Pentaksiran Pembelajaran
 - Persekitaran Pembelajaran
 - Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan
 - Penyeliaan Berkesan
 - Pengurusan dan Bimbingan Instruksional
10. Pengurusan Kurikulum
 - Pengurusan Mata pelajaran
 - Penyelarasan Kurikulum
 - Reka Bentuk Kurikulum
11. Pengurusan dan Kepimpinan Hal Ehwal Murid (HEM)
 - Pengurusan Kesejahteraan Murid
 - Pengurusan Disiplin
 - Pengurusan Asrama
12. Pengurusan dan Kepimpinan Bimbingan dan Kaunseling (B&K)
 - Pengurusan Kaunseling
 - Kepimpinan Bimbingan dan Kaunseling (B&K)
 - Pengurusan Ujian Psikometrik
13. Pengurusan Kokurikulum
 - Pengurusan Keselamatan Aktiviti Murid
 - Pengurusan Pendidikan Luar dan Rekreasi
 - Pengurusan Sesi Latihan Kokurikulum
 - Pengurusan Pentaksiran Kokurikulum
 - Pengurusan Program Kecemerlangan Kokurikulum (Pengurusan Kelab/Persatuan, Badan Beruniform, Sukan dan Permainan/ Pengurusan Ko-Akademik/ Pembitaraan Sekolah)
14. Pengurusan Sukan
 - Kepimpinan Sukan (kejurulatihan sukan/metodologi latihan dll)
 - Pengurusan Kecergasan dan Kesejahteraan

15. Pengurusan Hubungan Luar

- Pengurusan Jaringan dan Jalinan
- Pengurusan PIBG dan Komuniti
- Pengurusan Program Pengantarabangsaan

16. Pengurusan Sumber dan Operasi

- Pengurusan dan Pentadbiran Pejabat
- Pengurusan Aset
- Pengurusan Persekitaran dan Kemudahan Fizikal
- Pengurusan Kewangan dan Perolehan
- Pengurusan Acara
- Pengurusan Sumber Pendidikan

17. Penulisan dan Penerbitan

- Penulisan Berkualiti
- Penulisan Ilmiah
- Pengurusan Penerbitan


PANDUAN PERMOHONAN GCPC TAHUN 2026 (Tindakan Pemohon)

A. Maklumat Dalam Borang Permohonan (Bagi calon di sekolah)

- Calon perlu log masuk ke dalam sistem ePangkat melalui pautan <https://epangkat.moe.gov.my/login.php> dan memilih menu "Cemerlang".



- Semak gred jawatan yang ditawarkan dalam ruang Nama Iklan.
- Sekiranya gred jawatan yang ditawarkan adalah betul, klik simbol borang dalam ruang "Mohon".



- Calon perlu memastikan semua maklumat permohonan dalam sistem ePangkat lengkap diisi. Maklumat yang diperlukan adalah:
 - Peribadi
 - Perkhidmatan
 - Akademik
 - Pengalaman
 - Jadual Waktu

4.6. Kompetensi

4.7. Perakuan Pemohon

5. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat/maklumat tidak lengkap, sila berhubung dengan pentadbir sistem eOperasi/ePangkat di sekolah masing-masing untuk kemas kini maklumat.
6. Untuk Guru Cemerlang sedia ada, pastikan maklumat tarikh pemangkuan diisi dalam sistem eOperasi/ePangkat.
7. Setelah semua maklumat yang diperlukan lengkap diisi, klik butang hantar.
8. Permohonan akan dihantar kepada Ketua Jabatan untuk pemerakuan.
9. Setelah diperaku, permohonan akan diterima oleh Urus Setia Penilaian GCPC untuk diproses.
10. Calon yang layak dinilai di lapangan akan dimaklumkan melalui sistem ePangkat.

B. Pengisian Maklumat Dalam Borang Permohonan (Bagi calon selain di Sekolah)

1. Calon perlu log masuk ke dalam sistem ePangkat melalui pautan <https://epangkat.moe.gov.my/login.php> dan memilih menu "Cemerlang".



2. Semak gred jawatan yang ditawarkan dalam ruang Nama Iklan.
3. Sekiranya gred jawatan yang ditawarkan adalah betul, klik simbol borang dalam ruang "Mohon".

[TUKAR KATA LALUAN]

LOG KELUAR

Nama Iklan	Tarikh Mula Permohonan	Tarikh Tutup Permohonan	Tarikh Tutup Peringkat Pengawas Guru Besar/ PPD/ Timbalan Pengarah	Tarikh Mula dan Tutup JN	Mohon
[202344KD105] URUSAN PEMANGKUAN GURU CEMERLANG (SISWAZAH) GRED DG44 (KUP) TAHUN 2022	09 May 2023	30 May 2023	05 Jun 2023	12 Jun 2023	

STATUS PERMOHONAN PEMANGKUAN CEMERLANG

4. Calon perlu mengisi/mengemaskini semua maklumat permohonan dalam sistem ePangkat. Maklumat yang diperlukan adalah:
 - 4.1. Maklumat Peribadi
 - 4.2. Maklumat Perkhidmatan
 - 4.3. Maklumat Akademik
 - 4.4. Pengalaman
 - 4.5. Jadual Waktu
 - 4.6. Kompetensi
 - 4.7. Perakuan Pemohon
5. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat/maklumat tidak lengkap, sila berhubung dengan pentadbir sistem ePangkat di sekolah masing-masing untuk kemas kini maklumat.
6. Untuk Guru Cemerlang/Pensyarah Cemerlang sedia ada, pastikan maklumat tarikh pemangkuan diisi.
7. Setelah semua maklumat yang diperlukan lengkap diisi, klik butang hantar.
8. Permohonan akan dihantar kepada Ketua Jabatan untuk diperaku.
9. Setelah diperaku, permohonan akan diterima oleh Urus Setia Penilaian GCPC untuk diproses.
10. Calon yang layak dinilai di lapangan akan dimaklumkan melalui sistem ePangkat.

C. Pengisian Permohonan Secara Manual (Bagi calon di Maktab Tentera Diraja, Sekolah Integriti, Sekolah Henry Gurney dan guru KPM yang berkhidmat di sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri)

1. Pemohon hendaklah menghubungi pihak Urus setia Penilaian GCPC bagi mendapatkan borang permohonan.
2. Isi semua maklumat dalam Borang Permohonan (MS Excel).
 - a. Muka Depan
 - b. Maklumat Peribadi
 - c. Maklumat Perkhidmatan
 - d. Maklumat Akademik
 - e. Pengalaman
 - f. Jadual Waktu
 - g. Sumbangan dan Inovasi
 - h. Lampiran C
 - i. Perakuan Pemohon
3. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disimpan dan dinamakan berdasarkan ketetapan berikut.
 - a. NegeriCalon_NamaInstitusi_GredDimohon_Nama Calon
Contoh: Kelantan_SK Lemak Manis_DG10(SR)_Roslan bin Madun
4. Hantar *softcopy* Borang Permohonan kepada Ketua Jabatan.


PANDUAN PERMOHONAN GCPC TAHUN 2026 (Tindakan Ketua Jabatan)

A. Permohonan melalui sistem ePangkat

1. Ketua Jabatan perlu log masuk ke dalam sistem ePangkat melalui pautan <https://epangkat.moe.gov.my/login.php> dan memilih menu "Cemerlang".



2. Di bawah ruang Nama Iklan, klik semua pautan iklan yang dipaparkan. Setiap iklan adalah berbeza bagi setiap gred.



3. Semak Inbox Guru Besar/Pengetua/Ketua Jabatan (akan dipaparkan setelah pautan iklan dipilih)

URUSAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT YANG SEDANG DIBUKA

Nama Iklan	Tarikh Mula Permohonan	Tarikh Tutup Permohonan	Tarikh Tutup Peringkat Pengesahan Guru Besar/ PPD/ Timbalan Pengarah	Tarikh Mula dan Tutup JPN/ Bahagian
URUSAN PEMANGKUAN GURU CEMERLANG (SISWAZAH) GRED KHAS C (KUP) TAHUN 2022 (2023U7K0102)	10 May 2023	24 May 2023	29 May 2023	01 Jan 1970

INBOX GURU BESAR / PENGETUA / KETUA JABATAN **dipaparkan selepas nama iklan dipilih

NAMA IKLAN : **URUSAN PEMANGKUAN GURU CEMERLANG (SISWAZAH) GRED KHAS C (KUP) TAHUN 2022 (2023U7K0102)**

SENARAI PERMOHONAN: **1** BELUM PERAKU: **0** TELAH PERAKU: **1** TIDAK PERAKU: **0**

[TUKAR KATA LALUAN]
LOG KELUAR

- Ketua Jabatan perlu menyemak dan meneliti **SEMUA** maklumat permohonan calon yang disenaraikan dalam senarai permohonan.
- Ketua Jabatan boleh meminda maklumat Perakuan Pemohon sekiranya maklumat yang diberikan oleh calon tidak tepat.
- Ketua Jabatan perlu membuat ulasan perakuan bagi setiap calon yang memohon.

PERAKUAN KETUA JABATAN

Dengan ini saya, [Nama],

PERAKUAN PGB/KJ

STATUS PERAKUAN: **DISOKONG**

ULASAN PERAKUAN: **Calon seorang yang berdedikasi, berwibawa dan cemerlang dalam setiap aspek tugas yang dilaksanakan. Saya menyokong penuh permohonan ini.**

TARIKH PERAKUAN: **12/05/2023**

AKUAN PGB/KJ

Saya mengesahkan bahawa saya telah menyemak dengan teliti dan memperakui

☒ Calon ini memenuhi semua syarat umum dan syarat khusus yang ditetapkan.

☒ Semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat dan benar.

☒ Segala dokumen yang diperlukan telah disemak dan cukup.

☒ Saya bertanggungjawab atas segala maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh calon.

HANTAR

- Pastikan **SEMUA** kotak AKUAN PGB/KJ ditandakan sebelum klik butang hantar.
- Perakuan Ketua Jabatan perlu dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Permohonan yang dihantar akan diterima oleh Urus Setia Penilaian GCPC untuk diproses.
- Calon yang layak dinilai di lapangan akan dimaklumkan melalui sistem ePangkat.

B. Permohonan secara manual (Bagi calon di Maktab Tentera Diraja, Sekolah Integriti, Sekolah Henry Gurney dan guru KPM yang berkhidmat di sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri)

1. Ketua Jabatan perlu mengisi, mencetak dan menandatangani lembaran Lampiran C dan Perakuan Ketua Jabatan dalam borang permohonan (MS Excel) calon. (Hanya Ketua Jabatan sahaja atau individu yang diberi kelulusan secara bertulis untuk menjalankan tugas Ketua Jabatan dibenarkan menandatangani perakuan ini).
2. Lampiran C dan Perakuan Ketua Jabatan yang telah ditandatangani perlu diimbas dalam format PDF dan disimpan (save) mengikut ketetapan seperti berikut:

NegeriCalon_NamaInstitusi_GredDimohon_Nama Calon

Contoh: Kelantan_SK Lemak Manis_DG10(SR)_Roslan bin Madun

3. Ketua Jabatan perlu menghantar *softcopy* Borang Permohonan calon, Lampiran C dan Perakuan Ketua Jabatan kepada Urus Setia Penilaian GCPC melalui e-mel berikut: jn.spip@moe.gov.my
4. Tajuk/Subjek bagi e-mel yang dihantar hendaklah mengikut format berikut:

NegeriCalon_NamaInstitusi_GredDimohon_Nama Calon

Contoh: Kelantan_SK Lemak Manis_DG10(SR)_Roslan bin Madun